

22/10/2000

Ulama yang sering terkeliru

Syed Akbar Ali

DALAM ucapan pada satu majlis intelektual Islam di London baru-baru ini, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meluahkan kekhawatiran dan pesimisnya mengenai masa depan ulama dan intelek Islam abad ke-21 dan seterusnya.

Perdana Menteri berpendapat, ulama dan pemikir Islam masih belum mencapai tahap yang berguna dalam mengembangkan pemikiran berserta kemajuan sains, politik atau ekonomi. Semua ini merangkumi kehidupan harian orang Islam.

Dalam ucapannya kepada penuntut Malaysia di London juga, beliau mempunyai harapan tinggi dan optimis untuk masa depan negara yang akan melangkah menjadi negara maju berasaskan kepada pemikiran progresif, kemajuan sains, ekonomi dan politik.

Ini juga bermaksud ulama dan intelektual Islam yang cetek pemikiran akan tercicir dengan sendirinya daripada proses pembangunan.

Pandangan pesimis Perdana Menteri mengenai ulama dan intelektual seperti itu berasaskan fakta sejarah yang nyata. Di mana saja ulama memegang kuasa atau mempengaruhi kuasa Kerajaan, maka di situ terdapat kekeliruan, kemunduran dan kekecohan.

Sesudah Iran, Afghanistan sekarang menerajui takhta kedangkalan pemikiran kaum ulama. Pakistan juga dibelenggu bencana ulama totok. Di negara jiran kita pula kita boleh mengikuti kekecohan dan pergolakan Indonesia di bawah pemerintahan seorang ulama yang dikatakan suka berurusan ke luar negara daripada mencari penyelesaian masalah rakyatnya.

Malang juga kerana masyarakat kita cepat lupa sejarah negara. Generasi muda pula tidak mahu mengambil tahu perkara yang pernah berlaku dalam negara kita. Ramai orang tidak ingat kekecohan di Kelantan pada pertengahan 70-an apabila Pas memerintah negeri itu.

Janji yang tidak menjadi dan kebosanan rakyat Kelantan mengakibatkan kedai dan kenderaan dibakar. Kesudahannya, Perdana Menteri ketika itu, Tun Hussein Onn mengambil keputusan menangguhkan Dewan Undangan Negeri Kelantan dan mengarahkan negeri Kelantan ditadbir oleh Majlis Gerakan Negara (Mageran) di bawah pimpinan Tan Sri Hashim Aman.

Baru-baru ini, kekecohan dan tunjuk perasaan oleh sekumpulan rakyat Kelantan yang membantah majlis hiburan yang diraikan oleh pegawai tadbir negeri termasuk ahli Exco Pas yang didakwa sebagai majlis maksiat.

Di Terengganu pula, walaupun Pas baru memerintah selama 10 bulan, ramai penduduknya terutama pegawai kerajaan negeri itu telah mula menunjuk kemuakan dengan pemerintahan kerajaan negeri pimpinan Pas.

Ditambah lagi sesudah 10 tahun Pas memerintah Kelantan, ramai rakyat Kelantan meninggalkan negeri itu untuk mencari peluang pekerjaan di tempat lain.

Sesudah masalah bekalan air yang masih belum diperbaiki, Kelantan dilanda wabak taun. Dan sama seperti Gus Dur, Presiden Indonesia yang suka ke luar negara, Menteri Besar, Datuk Nik Aziz Nik Mat juga gemar merayau dan berceramah ke merata tempat daripada mencari penyelesaian yang menimpa anak buahnya.

Selepas 10 tahun menjadi Menteri Besar, beliau belum dapat mendidik anak buahnya menjaga kebersihan asas sekitarnya. Sebaliknya Nik Aziz menuduh orang Kelantan sebagai pengotor.

Kita sanjung tinggi semangat patriotik rakyat Kelantan yang masih rela memberi sokongan kepada kerajaan pilihan mereka. Kita sanjung tinggi kesabaran mereka menghadapi bermacam dugaan di bawah pemerintahan Pas.

Tetapi sehingga bila dan untuk apa?

Apakah sebabnya ulama dan intelektual Islam tidak dapat membawa kemajuan kepada umat Islam? Jawapan yang paling jelas ialah kerana mereka mungkin telah menyimpang daripada ajaran yang dibawa Nabi kita.

Pada hari ini ramai orang membaca al-Quran, tetapi hanya untuk melagukannya kononnya untuk menambah pahala. Umat Islam rajin membaca bermacam jenis kitab dan buku agama dalam semua bahasa, yang bukan saja ditulis oleh tangan manusia tetapi juga mengakibatkan banyak percanggahan dan masalah. Tetapi paling sikit orang yang membaca al-Quran untuk memahaminya.

Soalnya, betulkah ulama dan intelektual agama tidak tahu isi kandungan al-Quran? Untuk menguji kefahaman mereka mengenai al-Quran, kita boleh menanyakan mereka beberapa soalan:

Berapa bilangan surah dalam al-Quran? Lazimnya jawapan daripada ulama ialah 30 juzuk. Jawapan yang betul ialah 114 surah. Jika ditanya berapa jumlah ayat al-Quran jawapan mereka ialah 6,666. Jawapan yang betul ialah 6,348 ayat yang termasuk 112 ayat Bismillah.

Jika kita menanyakan mereka siapa yang menjadi contoh baik bagi Nabi, kemungkinannya mereka akan keliru. Jawapannya yang betul ialah Nabi Ibrahim. Satu lagi ujian ialah jika kita meminta ulama membuka kitab al-Quran atau terjemahannya untuk mencari surah dan ayat tertentu, misalnya ayat keenam dalam surah 59, surah Al Hasyr. Mereka akan mengambil masa yang agak lama ataupun tidak tahu mencari ayat berkenaan di dalam al-Quran.

Walaupun kepakaran dalam al-Quran tidak boleh disangkal, semua ini adalah maklumat asas yang perlu difahami semua orang yang suka menganggap diri sebagai ulama. Masalahnya, mereka tekun membaca kitab-kitab lain, tetapi mereka jarang mengenali al-Quran iaitu Kitab Allah yang menjadi pegangan Nabi.

Walaupun demikian kedaifannya, kebanyakan ulama masih merasa mereka layak untuk membimbing orang lain yang mereka anggap sebagai tidak celik agama. Seseengah mereka juga berani menggelar diri pewaris nabi. Sesungguhnya ini adalah satu keangkuhan yang nyata.

Tanpa memahami isi kandungan al-Quran, seseengah ulama juga sering terkeliru antara budaya Arab padang pasir dan Islam. Seringkali apa yang mereka anggap agama adalah hanya ciri budaya Arab padang pasir. Maka ramai ulama suka memakai baju ala padang pasir dan gemar menggunakan istilah Arab dalam percakapan mereka. Dan kaum wanita pula yang paling senang dijadikan mangsa budaya padang pasir ini.

Proses penerapan nilai budaya padang pasir ini telah meningkat sejak 15 tahun yang lalu dengan pengambilan pemimpin daripada angkatan yang kononnya Islam ke dalam kerajaan. Pada waktu itu penerapan budaya padang pasir dilihat sebagai satu pendekatan untuk melawan pengaruh Pas.

Perdana Menteri juga ada sebut bahawa kelemahan besar ulama ialah kecenderungan mereka saling mencaci sesama sendiri dan suka menuduh orang sebagai sesat, murtad, salah dan sebagainya. Mereka paling gemar menghukum dan mengaibkan orang.

Secara kebetulan, pada minggu itu juga ketika Perdana Menteri berucap di London, sepasang suami isteri ditangkap atas tuduhan berkhawat di Perak. Ini bukan kali pertama perkara bodoh seperti ini berlaku.

Sebelum ini, sepasang suami isteri pernah ditangkap atas tuduhan berkhawat di Kedah yang mengakibatkan Menteri Besar terpaksa meminta maaf kepada pasangan itu.

Tidak lama dulu, ada cadangan supaya semua pasangan suami isteri diberi kad pintar untuk mengesahkan perkahwinan mereka pada bila-bila masa. Di negeri lain pula, ulama yang gemar mengaibkan orang pernah mengheret orang yang tidak berpuasa dalam kereta mayat. Perbuatan yang tidak beradab

seperti ini tidak mempunyai sebarang ciri Islam, melainkan untuk memalukan orang saja.

Begitu juga cadangan mengadakan Rang Undang-Undang Pemulihan Akidah menjadi satu lagi kesilapan. Menteri agama kita, Datuk Dr Abdul Hamid Othman telah setuju bahawa cadangan rang undang-undang itu perlu dikaji dengan lebih teliti hanya sesudah Perdana Menteri meluahkan ketidakpuasannya terhadap cadangan rang undang-undang itu.

Sudah tentu Datuk Dr Abdul Hamid Othman sendiri tidak membawa 'kad nikah' dalam koceknya setiap hari. Bukan saja perbuatan seperti itu menyusahkan, ia juga menjadikan agama kita bahan ketawa di mata orang lain. Perbuatan dan cadangan seperti ini tidak membawa hasil berguna.

Apakah sebabnya ulama suka menimbulkan idea yang ganjil seperti ini dari dulu sampai sekarang? Jawapannya ialah mereka suka menghukum dan mengaibkan orang, untuk meyakinkan diri bahawa mereka mempunyai peranan yang penting dalam masyarakat. Mereka juga menggunakan elemen menakutkan orang untuk mengekalkan kedudukan mereka.

Misalnya, kanak-kanak di tadika Islam dimarah akan masuk neraka jika mereka tidak mahu beratur dengan segera. Kanak-kanak yang lambat mengangkat tangan untuk menjawab soalan ditegur sebagai dirasuk syaitan.

Selain daripada membantutkan fikiran kanak-kanak sejak usia muda lagi, cara ini akan sentiasa menakutkan kanak-kanak terhadap guru agama dan ulama. Begitu juga pada satu masa dulu ada ulama membuat cadangan supaya mereka dibenarkan membawa senjata api ketika menjalankan tugas mencegah maksiat.

Tidak hairanlah jika orang Islam di seluruh dunia masih terkebelakang berbanding orang bukan Islam. Kebanyakan orang bukan Islam tidak dibelenggu pemikiran kolot dan totok.

Sekiranya ada terlalu ramai ulama dalam negara kita, kita perlu mengadakan rancangan khusus supaya ulama yang berlebihan itu diberi latihan dalam kemahiran lain yang akan berguna juga kepada masyarakat kita.

Berserta dengan semangat cintakan agama, mereka boleh juga menjadi ahli perniagaan, juruteknik, usahawan dan sebagainya.

Usaha menegakkan nilai Islam perlu faham bahawa Islam telah bermula dengan Kitab Allah yang telah diwahyukan kepada Rasul-Nya, yang terakhir sekali ialah Kitab al-Quran yang diwahyukan kepada Nabi.

Tanpa al-Quran, tidak ada Islam. Sila perhatikan ayat yang berikut: "Dan demikianlah Kami wahyukan kepadamu wahyu (al-Quran) dengan perintah Kami. Sebelumnya kamu tidaklah mengetahui Al-Kitab dan tidak pula mengetahui apakah iman itu, tetapi Kami menjadikan al-Quran itu cahaya, yang Kami tunjuki dengannya siapa yang Kami kehendaki di antara hamba-hamba Kami. Dan sesungguhnya kamu benar-benar memberi petunjuk kepada jalan yang lurus. - Surah 42:52.

Maka sesebuah kerajaan yang ingin menegakkan nilai Islam sepatutnya mesti memberi hidup dan keutamaan kepada ajaran al-Quran. Cara yang paling mudah untuk mencapai tujuan ini ialah dengan mencelikkan rakyat untuk memahami isi kandungan dan maksud al-Quran.

Sehingga kini kesemua negara Islam gagal berbuat demikian. Oleh kerana itu mereka akan tetap tertinggal ke belakang.

(END)